



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 ( 8 )

Tarikh : 12 Ogos 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN  
BIL. 8 TAHUN 2020 : TATACARA PEMBAYARAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR  
(WPK) DI iGFMAS BAGI PEMBIAYAAN KONTRAK KERJA MELALUI SME-GO SCHEME  
OLEH SME BANK**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Kerajaan Persekutuan dan SME Bank telah memperkenalkan mekanisme baharu yang dikenali sebagai 'SME-Go Scheme'. Di bawah skim ini, bayaran Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) bagi kontraktor yang memilih pembiayaan melalui SME-Go Scheme akan disalurkan terus kepada SME Bank sebagai memenuhi keperluan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan. Sehubungan itu, kontraktor yang berkelayakan boleh mendapatkan pembiayaan tanpa perlu menyediakan cagaran seperti kebiasaan.

3. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Pembayaran Wang Pendahuluan Kontraktor di iGFMAS dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam memperakaunkan WPK ini. Untuk makluman YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, mekanisme pelaksanaan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan PK6.2 iaitu Pembiayaan Kontrak Kerja Melalui SME-Go Scheme oleh SME Bank.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk menghubungi pegawai-pegawai berikut :

Unit Pengurusan Dana : 06-768 6813 / 6844 / 6838 / 6896 / 6895

Unit Akaun : 06-768 6871 / 6830 / 6839 / 6890

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan